KETUA SETIAUSAHA
(SECRETARY GENERAL)
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
(MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT)
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8000 8000
Telefaks : 603-8888 2357
Web : www.ruralink.gov.my

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
Aras 10, Blok A, Bangunan Suasana PjH
Lot 2C5, Presint 2, Jalan Tun Abdul Razak
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH BILANGAN 8 TAHUN 2023

ARAHAN MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS PEROLEHAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI DI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk mengemas kini Arahan Melaksanakan Tugas-tugas Perolehan kepada Pegawai-pegawai di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Mengikut Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan 1957 'tiap-tiap Pegawai Pengawal hendaklah, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kewangan di bawah Seksyen 4, menetapkan had mana kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang

diberi atau dikenakan ke atasnya boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihaknya oleh mana-mana Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya dan memberi arahan-arahan tertentu sebagaimana yang perlu untuk menjamin perjalanan atau pelaksanaan sempurna kuasa-kuasa dan tugas-tugas tersebut'.

2.2. Bagi tujuan maksud di atas, Kementerian telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Bilangan 1 Tahun 2020 [Arahan Melaksanakan Tugas-tugas Perolehan kepada Pegawai-pegawai di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)] bertarikh 29 Jun 2020. Pengemaskinian semula SPKSU ini adalah bagi memastikan pengurusan perolehan di KKDW dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan.

2.3. Dalam hal berkaitan, terdapat keperluan untuk menyemak semula serta mengemas kini SPKSU berkenaan agar selaras dengan pindaan keseluruhan ke atas Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan (PP/PK) berikutan pelaksanaan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang berkuat kuasa mulai 29 November 2022.

3. PENGECUALIAN DARIPADA PEMAKAIAN

3.1. Sebarang pengecualian daripada arahan yang ditetapkan oleh SPKSU ini hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Pengawal. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mana-mana pegawai yang gagal mematuhi arahan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini.

4. KUAT KUASA

4.1. Selaras dengan Seksyen 15A (2) Akta Tatacara Kewangan Bil. 61 Tahun 1957 (Semak Semula 1972), saya sebagai Pegawai Pengawal Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah mengarahkan supaya tugas dan tanggungjawab Kewangan khususnya yang berkaitan dengan perolehan Kerajaan dilaksanakan bagi pihak saya oleh Pegawai-pegawai yang ditetapkan seperti **Lampiran A**.

4.2. SPKSU ini berkuat kuasa serta-merta dari tarikh ianya diluluskan dan hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan serta Pekeliling-pekeliling lain yang berkaitan.

5. PEMBATALAN

5.1. Dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini, SPKSU Bilangan 1 Tahun 2020 [Arahan Melaksanakan Tugas-tugas Perolehan kepada Pegawai-pegawai di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)] bertarikh 29 Jun 2020 adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.



(DATO' SRI RAMLAN BIN DATO' HARUN)

Tarikh: 18 - 5 - 2023

LAMPIRAN A

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW) BILANGAN 8 TAHUN 2023

ARAHAN MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS PEROLEHAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI DI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

KANDUNGAN

1. Ibu Pejabat 1

1.1 Jawatankuasa Sebut Harga (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja Bagi Had Nilai Melebihi RM50 Ribu Hingga RM500 Ribu) 1

1.2 Jawatankuasa Spesifikasi (Bekalan Dan Perkhidmatan) 1

1.3 Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Bekalan Dan Perkhidmatan) 1

1.4 Jawatankuasa Pembuka Tender (Bekalan Dan Perkhidmatan) 2

1.5 Jawatankuasa Penilaian Teknikal Sebut Harga/ Tender (Bekalan Dan Perkhidmatan) 2

1.6 Jawatankuasa Penilaian Kewangan Sebut Harga/ Tender (Bekalan Dan Perkhidmatan) 2

1.7 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Bekalan Dan Perkhidmatan) 3

1.8 Jawatankuasa Rundingan Harga (Bekalan Dan Perkhidmatan) 3

1.9 Jawatankuasa Penilaian Perunding Kajian Bukan Fizikal 4

1.10 Jawatankuasa Penilaian Perunding Projek Pembangunan Fizikal/ Kajian Fizikal 4

1.11 Jawatankuasa Spesifikasi (Kerja) 4

1.12 Jawatankuasa Pembuka Tender (Kerja) 5

1.13 Jawatankuasa Penilaian Tender (Kerja) 5

1.14 Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Kerja) 6

1.15 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Kerja) 6

1.16 Jawatankuasa Rundingan Harga (Kerja) 6

1.17 Menandatangani Inden Kerja 7

1.18 Meluluskan Pesanan Kerajaan Dan Padanan Bayaran (Bekalan Dan Perkhidmatan) 7

1.19 Senarai Peranan Pengguna Dalam Sistem ePerolehan 8

1.20 Perolehan Penganjuran Majlis/ Acara Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan 9

1.21 Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej 9

1.22 Penyertaan Latihan Yang Dianjurkan Oleh Agensi Kerajaan Atau Syarikat Swasta 10

1.23 Perolehan Kenderaan 10

1.24 Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan 11

1.25 Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan Melalui Media 12

1.26 Pegawai Pemegang Kunci Peti Tawaran 13

1.27 Dasar Cukai Jualan Dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) Dalam Perolehan Kerajaan 13

2. JAKOA Negeri 13

2.1 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Bekalan Dan Perkhidmatan) 13

2.2 Jawatankuasa Spesifikasi (Bekalan Dan Perkhidmatan) 14

2.3 Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Bekalan Dan Perkhidmatan) 14

2.4 Jawatankuasa Penilaian Teknikal (Bekalan Dan Perkhidmatan) 14

2.5 Jawatankuasa Penilaian Kewangan (Bekalan Dan Perkhidmatan) 15

2.6 Jawatankuasa Rundingan Harga (Bekalan Dan Perkhidmatan) 15

2.7 Jawatankuasa Spesifikasi (Kerja) 15

2.8 Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Kerja) 16

2.9 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Kerja) 16

2.10 Menandatangani Inden Kerja 17

2.11 Meluluskan Pesanan Kerajaan Dan Padanan Bayaran (Bekalan Dan Perkhidmatan) 17

2.12 Senarai Peranan Pengguna Dalam Sistem ePerolehan 18

2.13 Perolehan Penganjuran Majlis/ Acara Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan 18

2.14 Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej 19

2.15 Perolehan Kenderaan 20

2.16 Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan 20

2.17 Pegawai Pemegang Kunci Peti Tawaran 20

1. IBU PEJABAT

1.1 Jawatankuasa Sebut Harga (Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja Bagi Had Nilai Melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu)

[PP/PK 2.1 & 2.9]

Pengerusi : Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah

Ahli :

a) Timbalan Ketua Pengarah
b) Pengarah Bahagian
c) Pegawai Gred 41 dan ke atas
d) *Jurutera Gred J41 dan ke atas

Urus Setia : Seksyen Kewangan (Pegawai Gred 22 dan ke atas)

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Kehadiran Jurutera Gred J41 dan ke atas adalah wajib bagi memutuskan sebut harga kerja.
*iii. *Jurutera Gred J41 dan ke atas dari Bahagian Teknikal KKDW atau JKR boleh dilantik menjadi ahli semasa ketiadaan Jurutera di JAKOA.*

1.2 Jawatankuasa Spesifikasi (Bekalan dan Perkhidmatan)

[PP/PK 2.1,2.2,2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 41 dan ke atas
b) Pegawai Gred 22 dan ke atas

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

1.3 Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)

[PP/PK 2.1, 2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

1.4 Jawatankuasa Pembuka Tender (Bekalan dan Perkhidmatan)
[PP/PK 2.1,2.2 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) *Pegawai Gred 41 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Jumlah ahli boleh ditambah berdasarkan keperluan tertakluk perjawatan yang diluluskan sahaja.
*iii. *Ahli wajib.*

1.5 Jawatankuasa Penilaian Teknikal Sebut Harga/ Tender (Bekalan dan Perkhidmatan)
[PP/PK 2.2, 2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 41 dan ke atas dari Bahagian berkaitan yang mempunyai kemahiran/ kepakaran
b) Pegawai Gred 22 dan ke atas dari Bahagian yang berkenaan

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Bagi projek kajian/ pembangunan ICT hendaklah dianggotai seorang wakil kumpulan Pengurusan dan Profesional (Skim Perkhidmatan F).
iii. Jumlah keahlian mesyuarat boleh ditambah berdasarkan keperluan tertakluk perjawatan yang diluluskan sahaja.

1.6 Jawatankuasa Penilaian Kewangan Sebut Harga/ Tender (Bekalan dan Perkhidmatan)
[PP/PK 2.2, 2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 22 dan ke atas (Seksyen Kewangan)

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

1.7 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)

[PP/PK 2.2, 2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 29 dan ke atas
b) Pegawai Gred 22 dan ke atas

Setiausaha : Seksyen Kewangan (Pegawai Gred 22 dan ke atas)

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Jawatankuasa ini dibenarkan melaksanakan penilaian satu peringkat khusus bagi perolehan yang dibolehkan penilaian satu peringkat seperti dinyatakan di dalam PP/PK.
iii. Kombinasi Jawatankuasa Pembuka, Teknikal dan Kewangan.

1.8 Jawatankuasa Rundingan Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)

[PP/PK 2.4]

Pengerusi : Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah

Ahli :

a) Timbalan Ketua Pengarah
b) Pengarah Bahagian
c) Pegawai Gred 48 dan ke atas
d) Pegawai Gred 41 dan ke atas

Urus Setia : Seksyen Kewangan (Pegawai Gred 22 dan ke atas)

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

1.9 Jawatankuasa Penilaian Perunding Kajian Bukan Fizikal

[PP/PK 3.1]

Pengerusi : Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah

Ahli :

a) Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik Kementerian/ Wakil
b) Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan/ Wakil
c) *Pegawai Gred 41 dan ke atas

Urus Setia : Bahagian yang berkenaan

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 4 orang ahli termasuk wakil MAMPU dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional (Skim Perkhidmatan F) bagi projek kajian/ pembangunan ICT.
*iii. *Kehadiran Kuorum Pegawai Gred 41 dan ke atas adalah berdasarkan jenis peruntukan yang digunakan.*

1.10 Jawatankuasa Penilaian Perunding Projek Pembangunan Fizikal/ Kajian Fizikal

[PP/PK 3.1]

Pengerusi : Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah

Ahli :

a) Timbalan Ketua Pengarah
b) Pegawai Gred 48 dan ke atas
c) *Pegawai Teknikal Gred J41 dan ke atas
d) Pegawai Gred 41 dan ke atas dari mana-mana Bahagian

Urus Setia : Bahagian yang berkenaan

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 4 orang termasuk Pengerusi.
ii. Pegawai Teknikal Gred J41 dan ke atas dari Bahagian Teknikal KKDW atau JKR boleh dilantik menjadi ahli semasa ketiadaan Pegawai Teknikal di JAKOA.

1.11 Jawatankuasa Spesifikasi (Kerja)

[PP/PK 2.1,2.2 & 2.9]

Pengerusi : Jurutera Awam Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Penolong Jurutera
b) Pegawai Gred 29 dan ke atas

Urus Setia : Bahagian yang berkenaan

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Pengerusi adalah mana-mana Pegawai Gred 41 dan ke atas dari Bahagian Teknikal atau Pejabat KKDW Negeri atau dari Jabatan di bawah KKDW.

1.12 Jawatankuasa Pembuka Tender (Kerja)

[PP/PK 2.1 & 2.2]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) *Pegawai Gred 41 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Urus Setia : Bahagian yang berkenaan

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Jumlah ahli boleh ditambah berdasarkan keperluan tertakluk perjawatan yang diluluskan sahaja.
*iii. *Ahli wajib.*

1.13 Jawatankuasa Penilaian Tender (Kerja)

[PP/PK 2.2]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) *Juruukur Bahan/ Jurutera/ Arkitek
b) *Akauntan/ Penolong Akauntan
c) Pegawai Gred 29 dan ke atas yang berkemahiran

Urus Setia : Bahagian yang berkenaan

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
*ii. *Ahli wajib.*
iii. Juruukur Bahan/ Jurutera/ Arkitek dari Bahagian Teknikal KKDW atau JKR juga boleh dilantik menjadi ahli semasa ketiadaan Juruukur Bahan/ Jurutera/ Arkitek di JAKOA.

iv. *Akauntan/ Penolong Akauntan daripada KKDW/ Agensi juga boleh dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa ini.*

1.14 Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Kerja)
[PP/PK 2.1 & 2.9]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Urus Setia : Bahagian yang berkenaan

Nota : *Kuorum hendaklah terdiri daripada 2 orang termasuk Pengerusi.*

1.15 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Kerja)
[PP/PK 2.9]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Penolong Jurutera Gred 29
b) Pegawai Gred 22 dan ke atas

Urus Setia : Pegawai Gred 22 dan ke atas dari Bahagian yang berkenaan

Nota :

i. *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*
ii. *Jumlah keahlian mesyuarat boleh ditambah berdasarkan keperluan tertakluk perjawatan yang diluluskan sahaja.*

1.16 Jawatankuasa Rundingan Harga (Kerja)
[PP/PK 2.4]

Pengerusi : Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah

Ahli :

a) Timbalan Ketua Pengarah
b) Pegawai Gred 48 dan ke atas
c) *Jurutera J41 dan ke atas
d) Pegawai Gred 41 dan ke atas

Urus Setia : Seksyen Kewangan (Pegawai Gred 22 dan ke atas)

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.

ii. Ahli hendaklah terdiri daripada pegawai yang berkelayakan/ berpengalaman kemahiran teknikal mengenai perolehan berkenaan.

*iii. *Jurutera Gred J41 dan ke atas dari Bahagian Teknikal KKDW atau JKR juga boleh dilantik menjadi ahli semasa ketiadaan Jurutera di JAKOA.*

1.17 Menandatangani Inden Kerja

[PP/PK 4.2]

i. Pengarah Bahagian Berkenaan
ii. Jurutera Gred J41 dan ke atas

1.18 Meluluskan Pesanan Kerajaan dan Padanan Bayaran (Bekalan dan Perkhidmatan)

[Arahan Perbendaharaan 11]
[PP/PK 5.1]

Bil.	Pelulus	Had Nilai Pesanan Kerajaan	Had Nilai Padanan Bayaran
i.	Ketua Pengarah	Tiada Had Nilai	Tiada Had Nilai
ii.	Timbalan Ketua Pengarah	Tiada Had Nilai	Tiada Had Nilai
iii.	Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan	Tiada Had Nilai	Tiada Had Nilai
iv.	Penolong Pengarah Kewangan	Tiada Had Nilai	Tiada Had Nilai
v.	Akauntan	Tiada Had Nilai	Tiada Had Nilai
vi.	Penolong Pegawai Tadbir N32 dan ke atas	Tidak Melebihi RM1 Juta	Tidak Melebihi RM1 Juta
vii.	Penolong Pegawai Tadbir N29	Tidak Melebihi RM500 ribu	Tidak Melebihi RM500 ribu
viii.	Penolong Akauntan W29 dan ke atas	Tidak Melebihi RM500 ribu	Tidak Melebihi RM500 ribu
ix.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) N22 dan ke atas	Tidak Melebihi RM50 ribu	Tidak Melebihi RM50 ribu
x.	Pembantu Akauntan W19 dan ke atas	Tidak Melebihi RM50 ribu	Tidak Melebihi RM50 ribu

1.19 Senarai peranan pengguna dalam Sistem ePerolehan

[PP/PK 5.1]

Bil.	Peranan	Pegawai Gred/ Jawatan
i.	Pegawai Pengesah Perkhidmatan/ Bekalan	Pegawai Gred 29 dan ke atas
ii.	Pelulus Nota Minta	Pegawai Gred 22 dan ke atas
iii.	Peminta (Pesanan Pembelian/ Kontrak)	Pegawai Gred 19 dan ke atas
iv.	Pentadbir Kontrak	Pegawai Gred 22 dan ke atas
v.	Pelulus Kontrak	Pegawai Gred 32 dan ke atas
vi.	Pegawai Penerima Perkhidmatan/ Barangan	Pegawai Gred 19 dan ke atas
vii.	Pelulus Pemenuhan	Pegawai Gred 29 dan ke atas
viii.	Pegawai Padanan Bayaran	Pegawai Gred 22 dan ke atas
ix.	Pentadbir PTJ	Pegawai Gred 19 dan ke atas
x.	Pelulus Lantikan Jawatankuasa	Pegawai Gred 48 dan ke atas
xi.	Penandatangan SST/ Kontrak	Menteri/ Pegawai yang diberi kuasa (Akta Kontrak Kerajaan 1949)
xii.	Pelulus Pengiklanan	Pegawai Gred 41 dan ke atas
xiii.	Pegawai Perancangan Perolehan	Pegawai Gred 22 dan ke atas
xiv.	Pegawai Pengesah Perancangan Perolehan	Pegawai Gred 41 dan ke atas
xv.	Pegawai Pelulus Perancangan Perolehan	Setiausaha Bahagian Perolehan KKDW

Nota : *Pegawai Penerima Barang dan Pegawai Pengesah Barang adalah berdasarkan Pegawai Aset yang dilantik oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan).*

1.20 Perolehan Penganjuran Majlis/ Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

[PP/PK 7.1]

a) Jawatankuasa Penilaian Bagi Had Nilai Melebihi RM50 ribu

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 41 dan ke atas
b) Pegawai Gred 22 dan ke atas

Urus Setia : Seksyen Kewangan (Pegawai Gred 22 ke atas)

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

b) Kuasa Melulus Perolehan

Bil.	Had Nilai	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan KKDW

1.21 Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej

[PP/PK 7.2]

a) Jawatankuasa Penilaian Bagi Had Nilai Melebihi RM50 ribu

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 41 dan ke atas
b) Pegawai Gred 22 dan ke atas

Urus Setia : Seksyen Kewangan (Pegawai Gred 22 ke atas)

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

b) Kuasa Melulus Perolehan

Bil.	Had Nilai	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan KKDW

1.22 Penyertaan Latihan Yang Dianjurkan Oleh Agensi Kerajaan atau Syarikat Swasta
[PP/PK 7.3]

a) Jawatankuasa Penilaian

Jabatan diberi pengecualian untuk menubuhkan Jawatankuasa Penilaian.

b) Kuasa Melulus Perolehan

Bil.	Had Nilai	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu	Ketua Pengarah JAKOA
ii.	Melebihi RM50 ribu	Pegawai Pengawal KKDW

1.23 Perolehan Kenderaan
[PP/PK 7.7]

a) Jawatankuasa Penilaian Bagi Had Nilai Melebihi RM50 ribu

Pengerusi : Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah

Ahli :
a) Timbalan Ketua Pengarah
b) Pegawai Gred 48 dan ke atas
c) Pegawai Gred 41 dan ke atas

Urus Setia : Seksyen Kewangan (Pegawai Gred 22 ke atas)

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

b) Kuasa Melulus Perolehan

Bil.	Had Nilai (Setahun)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu bagi setiap jenis kenderaan atau dalam satu pembelian	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu bagi setiap jenis kenderaan atau dalam satu kontrak	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500 ribu hingga RM1 juta bagi setiap jenis kenderaan atau dalam satu kontrak	Lembaga Perolehan KKDW

1.24 Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan
[PP/PK 7.8]

a) Jawatankuasa Penilaian Bagi Had Nilai Melebihi RM50 ribu

Pengerusi : Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah

Ahli :

a) Timbalan Ketua Pengarah
b) Pegawai Gred 48 dan ke atas
c) Pegawai Gred 41 dan ke atas

Urus Setia : Seksyen Kewangan (Pegawai Gred 22 ke atas)

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

b) Kuasa Melulus Perolehan

Bil.	Had Nilai dalam Satu Pesanan	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu (Pembaikan secara kecemasan)	Ketua Pengarah/ Timbalan Ketua Pengarah/ Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan/ Penolong Pengarah Kewangan
ii.	Sehingga RM50 ribu (Penyelenggaraan berjadual)	

Nota :

i. Kuasa melulus bagi perolehan melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu ialah Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA.

ii. Kuasa melulus bagi perolehan melebihi RM500 ribu ialah Lembaga Perolehan KKDW.

1.25 Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan Melalui Media

[PP/PK 7.14]

a) Jawatankuasa Penilaian Bagi Had Nilai Melebihi RM50 ribu

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Pengarah Bahagian

Ahli :

a) Ketua Unit Perhubungan Awam
b) Pegawai Gred 41 dan ke atas
c) Pegawai Gred 22 dan ke atas

Urus Setia : Seksyen Kewangan (Pegawai Gred 22 ke atas)

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk Pengerusi dan kehadiran Ketua Unit Perhubungan Awam adalah diwajibkan.

ii. Jawatankuasa ini juga akan mengadakan rundingan dengan pihak berkaitan bagi nilai perolehan melebihi RM50 ribu merujuk kepada PK 7.14(a) dan (b).

b) Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan Melalui Media Cetak Dan Elektronik

[PK 7.14(a)]

Bil.	Had Nilai (Setahun)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan KKDW

c) Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan Melalui Saluran Media Sosial Berbayar

[PK 7.14(b)]

Bil.	Had Nilai (Setahun)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan KKDW

1.26 Pegawai Pemegang Kunci Peti Tawaran
[Arahan Perbendaharaan 196]

i. Pegawai Gred 32 dan ke atas
ii. Pegawai Gred 22 dan ke atas

1.27 Dasar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) dalam Perolehan Kerajaan
[PP/PK 1.13]

Bil.	Jawatan	Had Nilai Pengeluaran Sijil
i.	Ketua Pengarah	Sehingga RM5 juta
ii.	Timbalan Ketua Pengarah	Sehingga RM2 juta
iii.	Pengarah Khidmat Pengurusan	Sehingga RM500 ribu
iv.	Pengarah Negeri	Sehingga RM500 ribu

Nota : *Pegawai yang disenaraikan adalah pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal untuk menandatangani Sijil di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.*

2. JAKOA NEGERI

2.1 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)
[PP/PK 2.2, 2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :
a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota :
i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Pegawai Gred 41 dan ke atas juga boleh dilantik dari Agensi kerajaan lain.
iii. Jawatankuasa ini dibenarkan melaksanakan penilaian satu peringkat khusus bagi perolehan yang dibolehkan penilaian satu peringkat seperti dinyatakan di dalam PP/PK.
iv. Kombinasi Jawatankuasa Pembuka, Teknikal dan Kewangan.

2.2 Jawatankuasa Spesifikasi (Bekalan dan Perkhidmatan)
[PP/PK 2.1,2.2,2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Pengarah Negeri boleh melantik pegawai Jabatan/ Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu.

2.3 Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)
[PP/PK 2.1, 2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Pegawai Gred 41 dan ke atas boleh dilantik dari Jabatan/ Agensi Kerajaan yang lain.

2.4 Jawatankuasa Penilaian Teknikal (Bekalan dan Perkhidmatan)
[PP/PK 2.2, 2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.

ii. Pengarah Negeri boleh melantik pegawai teknikal dari Jabatan/ Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sebagai ahli tambahan sekiranya perlu.

2.5 Jawatankuasa Penilaian Kewangan (Bekalan dan Perkhidmatan)

[PP/PK 2.2, 2.9 & 5.1]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Setiausaha : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.

ii. Pegawai Gred 41 dan ke atas boleh dilantik dari Jabatan/ Agensi lain.

2.6 Jawatankuasa Rundingan Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)

[PP/PK 2.4]

Pengerusi : Pengarah Negeri

Ahli :

a) Timbalan Pengarah Negeri
b) Pegawai Gred 32 dan ke atas
c) Pegawai Gred 29 dan ke atas

Urus Setia : Unit Kewangan (Pegawai Gred 22 dan ke atas)

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

2.7 Jawatankuasa Spesifikasi (Kerja)

[PP/PK 2.1,2.2 & 2.9]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas.

Ahli :

a) *Penolong Jurutera Gred JA29 dan ke atas
b) Pegawai Gred 22 dan ke atas
c) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Urus Setia : Pegawai Gred 19 dan ke atas

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Pengarah Negeri boleh melantik pegawai teknikal Jabatan/ Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu.
*iii. *Kehadiran Penolong Jurutera Gred JA29 dan ke atas adalah wajib bagi jawatankuasa ini.*

2.8 Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga (Kerja)

[PP/PK 2.1 & 2.9]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Urus Setia : Bahagian yang berkenaan

Nota : *Kuorum hendaklah terdiri daripada 2 orang termasuk Pengerusi.*

2.9 Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga (Kerja)

[PP/PK 2.9]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Urus Setia : Bahagian yang berkenaan

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Pegawai Gred 41 juga boleh dilantik dari Agensi kerajaan lain.
iii. Bagi Penilaian sebut harga kerja, sekurang-kurangnya seorang ahli hendaklah terdiri daripada pegawai teknikal.

2.10 Menandatangani Inden Kerja

[PP/PK 4.2]

Bil.	Had Nilai	Jawatan
i.	Sehingga RM500 ribu	Pengarah Negeri

2.11 Meluluskan Pesanan Kerajaan dan Padanan Bayaran (Bekalan dan Perkhidmatan)

[PP/PK 5.1]

Bil.	Pelulus	Had Nilai Pesanan Kerajaan	Had Kuasa Padanan Bayaran
i.	Pengarah Negeri	Tidak Melebihi RM500 ribu	Tidak Melebihi RM500 ribu
ii.	Pegawai Pembangunan Masyarakat S44	Tidak Melebihi RM200 ribu	Tidak Melebihi RM200 ribu
iii.	Pegawai Pembangunan Masyarakat S41	Tidak Melebihi RM200 ribu	Tidak Melebihi RM200 ribu
iv.	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S38	Tidak Melebihi RM100 ribu	Tidak Melebihi RM100 ribu
v.	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S29/ S32	Tidak Melebihi RM100 ribu	Tidak Melebihi RM100 ribu
vi.	Penolong Pegawai Tadbir N29/N32	Tidak Melebihi RM100 ribu	Tidak Melebihi RM100 ribu
vii.	Pembantu Pembangunan Masyarakat S26	-	Tidak Melebihi RM20 ribu
viii.	Pembantu Pembangunan Masyarakat S22	-	Tidak Melebihi RM20 ribu
ix.	Pembantu Tadbir N22	-	Tidak Melebihi RM20 ribu
x.	Pembantu Tadbir Kewangan W22	-	Tidak Melebihi RM20 ribu

2.12 Senarai peranan pengguna dalam Sistem ePerolehan

[PP/PK 5.1]

Bil.	Peranan	Pegawai Gred/ Jawatan
i.	Pegawai Pengesah Perkhidmatan/ Bekalan	Pegawai Gred 29 dan ke atas
ii.	Pelulus Nota Minta	Pegawai Gred 22 dan ke atas
iii.	Peminta (Pesanan Pembelian/ Kontrak)	Pegawai Gred 19 dan ke atas
iv.	Pentadbir Kontrak	Pegawai Gred 22 dan ke atas
v.	Pelulus Kontrak	Pegawai Gred 32 dan ke atas
vi.	Pegawai Penerima Perkhidmatan/ Barangan	Pegawai Gred 19 dan ke atas
vii.	Pelulus Pemenuhan	Pegawai Gred 29 dan ke atas
viii.	Pegawai Padanan Bayaran	Pegawai Gred 22 dan ke atas
ix.	Pentadbir PTJ	Pegawai Gred 19 dan ke atas
x.	Pelulus Lantikan Jawatankuasa	Pegawai Gred 41 dan ke atas
xi.	Penandatangan SST/ Kontrak	Menteri/ Pegawai yang diberi kuasa (Akta Kontrak Kerajaan 1949)
xii.	Pelulus Pengiklanan	Pegawai Gred 41 dan ke atas
xiii.	Pegawai Perancangan Perolehan	Pegawai Gred 22 dan ke atas
xiv.	Pegawai Pengesah Perancangan Perolehan	Pegawai Gred 41 dan ke atas
xv.	Pegawai Pelulus Perancangan Perolehan	Setiausaha Bahagian Perolehan KKDW

Nota : *Pegawai Penerima Barang dan Pegawai Pengesah Barang adalah berdasarkan Pegawai Aset yang dilantik oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pengurusan).*

2.13 Perolehan Penganjuran Majlis/ Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

[PP/PK 7.1]

a) Jawatankuasa Penilaian Bagi Had Nilai Melebihi RM50 ribu

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Urus Setia : Unit Kewangan (Pegawai Gred 19 dan ke atas)

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

b) Kuasa Melulus Perolehan

Bil.	Had Nilai	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu	Pengarah Negeri
ii.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan KKDW

2.14 Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej

[PP/PK 7.2]

a) Jawatankuasa Penilaian Bagi Had Nilai Melebihi RM50 ribu

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 22 dan ke atas
b) Pegawai Gred 19 dan ke atas

Urus Setia : Unit Kewangan (Pegawai Gred 19 dan ke atas)

Nota : *Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.*

b) Kuasa Melulus Perolehan

Bil.	Had Nilai	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu	Pengarah Negeri
ii.	Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500 ribu	Lembaga Perolehan KKDW

2.15 Perolehan Kenderaan

[PP/PK 7.7]

Perolehan ini dilaksanakan di JAKOA Ibu Pejabat
(Rujuk Para 1.23)

2.16 Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan

[PP/PK 7.8]

a) Jawatankuasa Penilaian Bagi Had Nilai Melebihi RM50 ribu

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli :

a) Pegawai Gred 29 dan ke atas
b) Pegawai Gred 22 dan ke atas
c) *Pegawai Gred J29 dan ke atas

Urus Setia : Seksyen Kewangan

Nota :

i. Kuorum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
*ii. *Pegawai Gred J29 dan ke atas wajib hadir.*

b) Kuasa Melulus Perolehan

Bil.	Had Nilai dalam Satu Pesanan	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50 ribu (Pembaikan secara kecemasan)	Pengarah/ Timbalan Pengarah JAKOA Negeri
ii.	Sehingga RM50 ribu (Penyelenggaraan berjadual)	

Nota : *Kuasa melulus bagi perolehan melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu ialah Jawatankuasa Sebut Harga Ibu Pejabat JAKOA.*

2.17 Pegawai Pemegang Kunci Peti Tawaran

[Arahan Perbendaharaan 196]

i. Pegawai Gred 22 dan ke atas